

# Mahal, tak jadi beli Soyuz

Kosmo 12/12/08 MIS 10

KUALA LUMPUR - Faktor harga yang terlalu mahal mendorong kerajaan melupakan rancangan membeli kapsul Soyuz TMA-10 yang membawa angkasawan pertama negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha pulang ke Bumi dari Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) tahun lepas.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Maximus Ongkili berkata, kerajaan tidak berhasrat meneruskan pembelian tersebut memandangkan kapsul Soyuz itu tidak memberi manfaat besar kepada negara.

"Pembelian tersebut telah digugurkan kerajaan, kerana ia melibatkan kos tinggi dan manfaatnya tidak terlalu besar untuk kita melaburkan wang yang banyak," katanya ketika menjawab soalan tambahan Senator Azizah Abdul Samad pada persidangan Dewan Negara semalam.

Namun, Maximus menegaskan, kerajaan bersetuju meneruskan Program Penghantaran Angkasa-

wan Kedua Negara Ke Angkasa Lepas walaupun peruntukan untuk misi itu belum ditetapkan lagi.

Beliau memberitahu, pihaknya akan terus mengkaji perkara-perkara lain yang penting berkaitan program angkasawan kedua itu nanti.

"Antaranya program itu perlu memberi pulangan langsung kepada industri serta ekonomi negara. Ia juga bergantung kepada cadangan kerjasama dengan agensi seperti Roscosmos (Rusia), NASA (Amerika Syarikat), ESA (Kesatuan Eropah) atau JAXA (Jepun), tempoh pelaksanaan dan tarikh program.

"Perincian ini yang dalam penelitian pihak kementerian dan kerajaan pula akan menentukan kos misi," katanya.

## Info

### SOYUZ TMA-10

- Direka oleh Biro Reka Bentuk Korolev, Rusia.
- Berat 2,900 kilogram.
- Kokpit seluas 4 meter padu, lebar 2.2 meter dan ketinggian 2.1 meter.
- Mampu memuatkan tiga angkasawan.
- Mempunyai dua enjin untuk mengurangkan kelajuan ketika mendarat dan tekanan di antara 15 hingga 30 peratus.



ROKET Soyuz TMA-10 sewaktu berlepas tahun lalu.